

Emerging Infectious Disease Surveillance Tool (SRI/MERS/EBOLA)



Limited Use License

By using these materials you (the “User”) agree to the following terms and conditions. The User is hereby granted a non-transferable, non-exclusive, revocable, perpetual, limited use license in the following materials. The User shall not, in whole or in part, alter or change the materials. The User acknowledges and understands that the International Academies of Emergency Dispatch is the sole and exclusive owner of the copyrights and other intellectual property associated with the materials and all derivatives therefrom. The User agrees to keep any of these materials current as regularly issued by the IAED. These materials are protected by United States and International copyright laws and treaties. The User shall not use these materials commercially or for any monetary gain. They cannot be incorporated into any 3rd party products, computers or CADs, modified in any way, or redistributed for any other uses. In no event shall the International Academies of Emergency Dispatch be liable for damages of any kind associated with the use of these materials.

This Protocol developed and approved by the IAED's CBRN Fast Track Committee of the Council of Standards.

PENGESAN PENYAKIT BERJANGKIT (JSP/MERS/EBOLA)



Mohon dengar betul-betul:

Hanya disoal jika kes selsema, penyakit pernafasan atau demam berdarah baharu sahaja muncul dari kawasan-kawasan tertentu:

- adakah dia/beliau bepergian atau melancong dalam 21 hari terakhir (jika ya, ke mana?)
- Nota: (Jika kapan masanya meragukan) Adakah kira-kira dalam sebulan terakhir ini?
- disahkan sempat melawat atau berada di kawasan yang dijangkiti ("kecemasan")
- ada kontak dengan seseorang yang sempat melawat atau berada di kawasan yang dijangkiti ("kecemasan") dalam 21 hari terakhir
- mempunyai kontak kepada individu yang mempunyai selsema atau simptom seperti selsema (sila nyatakan bila?)

Sekarang **beri tahu saya** jika dia/beliau mempunyai **mana-mana gejala berikut ini:**

- ukuran suhu badan $\geq 100.4^{\circ} \text{F}$ (38.0°C)
- demam (badan terasa panas dalam persekitaran suhu bilik)
- demam/menggigil seram sejuk
- berpeluh-peluh (lain daripada biasa)
- sengal/sakit badan (lain daripada biasa)
- sakit kepala
- baru-baru ini mengalami cirit birit, muntah, atau mulut/hidung mengeluarkan darah
- sakit perut
- pendarahan lain daripada biasa dari mana-mana bahagian badan (spontan/non-trauma)
- kesukaran bernafas
- hidung tersumbat (selsema)
- batuk berpanjangan
- sakit tekak
- hidung berair/berhingus (selsema)

Nota:

Simptom-simptom berwarna merah sepatutnya dianggap simptom penting Ebola yang perlu ditanyakan.

*Continued on reverse side

PENGESAN PENYAKIT BERJANGKIT (JSP/MERS/EBOLA)



Soalan tambahan yang disahkan oleh Ketua Perkhidmatan:

- _____
- _____
- _____

Disoal hanya jika disyaki terdedah secara langsung kepada sumber penyakit (pesakit, mayat atau haiwan eksotik Afrika):

- cedera kerana jarum suntik, pisau bedah atau segala kecederaan semasa merawat atau menjaga pesakit Ebola
- mata, hidung atau mulut (membran mukus) terdedah kepada darah atau cecair badan semasa merawat atau menjaga pesakit Ebola
- bersentuhan kulit dengan atau terdedah kepada darah atau cecair badan pesakit Ebola
- terdedah secara langsung kepada mayat tanpa kelengkapan perlindungan diri di kawasan di mana wabak Ebola sedang berlaku
- Baru-baru ini memegang kelawar, tikus atau monyet di Afrika atau yang dihantar dari Afrika

Arahan Pencegahan Jangkitan:

- (**Jauhkan daripada yang lain**) Mula sekarang, **jangan benarkan** sesiapa sahaja **mendekatinya**.

Arahan khas yang disahkan oleh Ketua Perkhidmatan:

- _____
- _____
- _____

PENGESAN PENYAKIT BERJANGKIT (JSP/MERS/EBOLA)

<p>Senarai Abreviasi</p> <p>EVD = Penyakit Virus Ebola EIDS Tool = Pengesan Penyakit Berjangkit CDC = Centers for Disease Control, USA WHO = Pertubuhan Kesihatan Sedunia, PBB JSP = Jangkitan Salur Pernafasan MERS = Middle East Respiratory Syndrome</p>	<p>Jika <i>software</i> lain seperti <i>FirstWatch™</i> digunakan pula, <i>EIDS Tool</i> kemungkinan besar akan digunakan untuk mengumpul maklumat lebih lanjut bagi menambah baik ciri kebolehamatan dan <i>output</i> daripada <i>FirstWatch™</i>. Perkara ini merupakan keputusan tempatan yang semestinya diarahkan oleh EMS, pegawai-pegawai kesihatan awam dan Ketua Perkhidmatan.</p>	<p>dengan <i>EIDS Tool</i> mungkin dicantumkan pada bila-bila masa di: www.emergencydispatch.org</p>
<p>Pernyataan Mengenai EIDS Tool</p> <p><i>CBRN Fast Track Committee</i> daripada <i>International Academies of Emergency Dispatch</i> mula mengeluarkan kemas kini dengan menyertakan aspek Ebola dan merancang sebuah alat pengesan pada awal Ogos 2014. Pada 10 Oktober 2014, Pengesan Penyakit Berjangkit (<i>EIDS Tool</i>) mula dilancarkan untuk digunakan di peringkat antarabangsa.</p>	<p>Peraturan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Alat Pengesan ini tidak memerlukan jumlah dan urutan soalan yang khas. Secara geografis, perhatian mengenai kawasan yang baru-baru ini dilawat boleh berubah setiap hari atau menjadi tidak relevan lagi. 2. Ada tiga ruang soalan yang “ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan” untuk kegunaan agensi tempatan. Sebelum pengesan ini boleh digunakan, soalan harus telah disediakan dan ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan. 3. Semasa maraknya wabak EVD, sila lawati laman IAED setiap hari untuk memastikan jika terdapat kemas kini atau nasihat berkaitan dengan <i>dispatch</i> sehingga kesihatan awam dijamin stabil semula. Kemas kini yang berkenaan 	<p>4. Terdapat beberapa soalan mengenai suhu badan yang tinggi – salah satu soalan secara khusus bertanyakan adakah ukuran suhu badan mencecah 100.4°F/38.0°C atau lebih dan 3 soalan “serupa” yang lain iaitu: demam (badan terasa panas dalam persekitaran suhu bilik), demam/menggigil seram jeruk, and berpeluh-peluh (lain daripada biasa). Mengikut polisi agensi anda, jawapan positif kepada mana-mana soalan berkenaan boleh mengelakkan perlunya bertanya soalan-soalan yang lain.</p> <p>5. <i>EIDS Tool</i> tidak boleh dilancarkan secara automatik daripada mana-mana Protokol <i>Chief Complaint</i> pada masa ini. Jika agensi anda bersedia menggunakan alat pengesan ini, IAED mencadangkan percubaan tahap pertama untuk melancarkan alat pengesan ini bagi Protokol: 1, 18, 21 dan 26 sahaja. Percubaan tahap kedua, tambahkan alat pengesan ini bagi Protokol: 6, 10 dan 32. Walau bagaimanapun, spesifikasi ini boleh berubah pada bila-bila masa.</p>
<p>Nasihat Penggunaan Alat Pengesan</p> <p>Dengan penyebaran EVD keluar Afrika Barat yang kini menyebabkan ianya muncul tanpa diduga di negara-negara lain, maka perincian mengenai bilamana alat pengesan ini sedia digunakan dan keluasan soalan yang ada di dalam alat pengesan ini sepatutnya ditetapkan oleh pengguna (dikawal oleh Ketua Perkhidmatan).</p>		

For use under MPDS® license agreement only. © 1979–2014 IAED/Priority Dispatch Corp. All rights reserved. Used by Special Permission.

Version 5.0.1

AMPDS™ v12.1, 12.2, 13.0, MAL-std, 141020

<p>Amaran Keterhadan</p> <p>Isi, format dan/atau tujuan penggunaan EIDS Tool boleh berubah pada bila-bila masa. Adalah penting bagi agensi anda untuk sentiasa mengikuti maklumat dan perubahan terbaharu dengan melawati laman web IAED sekurang-kurangnya sekali setiap hari. Kerana kepesatan perkembangan aspek-aspek daripada penyakit, wabak, epidemik atau pandemik berkenaan, maka baik pihak IAED mahupun PDC tidak mempunyai apa-apa kewajipan, di luar paparan laman web, untuk secara peribadi memaklumkan sebarang kemas kini kepada pengguna berlesen atau agensi-agensi lain pengguna alat pengesan ini.</p> <p>Kerana <i>North American English (NAE)</i> adalah bahasa “sumber” daripada IAED, maka pihak Akademi dan <i>CBRN Fast Track Committee</i> harus membuat keputusan yang sukar dan cepat, mengenai urutan pengeluaran maklumat, ketepatan masa penterjemahan ke dalam bahasa lain, serta bilamana ketersediaan mutkadamnya; berdasarkan kepada kepastian perubahan keadaan di kawasan-kawasan semasa yang dijangkiti dan cadangan-cadangan dari kerajaan. Kemungkinannya, perkara-perkara</p>	<p>ini akan menjejaskan urutan dan prioriti daripada paparan maklumat di laman web IAED.</p> <p>Penyakit Virus Ebola (EVD)</p> <p>EVD adalah penyakit sangat serius yang terdapat di dalam tubuh haiwan eksotik yang ditemui di beberapa kawasan di Afrika. Kadar kes kematian untuk wabak semasa adalah 55% hingga 60%.</p> <p>Setakat ini, EVD tidak terbukti tersebar menerusi udara, tetapi tersebar melalui sentuhan dengan cecair badan pesakit yang dijangkiti, termasuk peluh. Kerana kepastian mutasi virus ini, bagaimanapun, perkara ini boleh berubah di masa hadapan.</p> <p>Tidak seperti wabak-wabak virus sebelum ini, tanda-tanda dan simptom-simptom Ebola kurang berkaitan dengan masalah pernafasan namun lebih berkaitan dengan masalah penghadaman dan, pada akhirnya, merangkumi pendarahan spontan dari mana-mana bahagian badan.</p> <p>Menurut CDC dan WHO, tempoh inkubasi EVD (tempoh peneraman tanpa kemunculan simptom) boleh berlaku di antara 2 hingga 21 hari (purata 8 hingga 10 hari).</p> <p>Kemudian pada amnya penyakit ini berkembang sebagai berikut:</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 1 hingga 3 hari: Simptom seperti selsema, demam • 4 hingga 7 hari: Cirit birit, muntah dan tekanan darah rendah • 7 hingga 10 hari: Pendarahan dalaman/ di luar yang banyak, kegagalan organ, koma dan kematian <p>Simptom peringkat akhir sebelum kematian adalah termasuk bengkak di seluruh badan, pendarahan di bawah kulit, terlampau banyak kehilangan cecair dan kegagalan organ.</p> <p>Arahan Cetak</p> <p>Untuk mencetak <i>EIDS Tool</i> bagi <i>manual cardset</i>, sila pilih halaman 1 dan 3 dalam <i>printer option</i> anda dan pilih <i>duplex</i> atau <i>two-sided</i>. Selepas cetak, lipat halaman menjadi dua dengan soalan menghadap keluar.</p> <p>Untuk memotong pullout tab yang baharu, gunakan <i>pullout card</i> yang lama sebagai panduan bagi memotong tepi <i>tab</i> yang baharu, kemudian laminasi kad baharu tersebut.</p> 
--	--	---

For use under MPDS® license agreement only. © 1979–2014 IAED/Priority Dispatch Corp. All rights reserved. Used by Special Permission.

Version 5.0.1

AMPDS™ v12.1, 12.2, 13.0, MAL-std, 141020